

18/01/2004

Golongan profesional disaran bertanding

Ziauddin Sharuddin

KUALA LUMPUR: Golongan profesional yang dilantik menganggotai Kabinet disaran bertanding dalam pilihan raya umum supaya pelantikan mereka diterima rakyat dan boleh berkhidmat lebih lama.

Ini kerana jika tidak menjadi ahli Parlimen, mereka tertakluk pada tempoh angkat sumpah sebagai senator yang paling lama dua penggal iaitu enam tahun, kata penganalisis politik, Dr Ahmad Nidzammuddin Sulaiman.

Beliau yang juga Ketua Program Sains Politik Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, kemenangan dalam pilihan raya akan memastikan kedudukan dan jawatan mereka disahkan oleh rakyat kerana tempoh perkhidmatan sebagai profesional juga terhad.

"Bagaimanapun tidak mengapa jika pelantikan mereka bersifat sementara, iaitu untuk membantu memantapkan pentadbiran kerajaan dan selepas itu berhenti,"katanya kepada Berita Minggu, semalam.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, muncul sebagai golongan profesional terbaru bukan daripada kalangan ahli politik dilantik menganggotai Kabinet.

Golongan profesional lain dalam Kabinet, termasuk Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, yang juga bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) yang dilantik oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Ahmad Nidzammuddin, berkata melantik golongan profesional menganggotai Kabinet sebenarnya adalah berdasarkan sistem berpresiden di Amerika Syarikat yang anggota Kabinet dipilih oleh Presiden daripada golongan profesional yang bukan ahli politik.

Bagaimanapun, katanya sistem demokrasi berparlimen di Malaysia menetapkan anggota Kabinet mesti diambil daripada kalangan Ahli Parlimen parti yang menang dalam pilihan raya.

Katanya, pelantikan golongan profesional menganggotai Kabinet bermakna negara mengamalkan sistem campuran presiden dan demokrasi berparlimen.

Sambil mengakui penyertaan golongan profesional boleh memberi kebaikan, terutama dari segi pengalaman, pengetahuan dan kemahiran mereka, katanya sistem campuran juga mempunyai kelemahan.

"Dalam Umno, politik bermula dengan bertanding di cawangan, bahagian dan kemudian di peringkat pusat, dengan harapan hasil kerja keras itu, pada suatu masa, mereka akan mendaki lebih tinggi. Tiba-tiba orang lain tak buat apa-apa menjadi menteri," katanya.

Walaupun perasaan tidak puas hati timbul di kalangan segelintir ahli, katanya ia tidak ditonjolkan kerana budaya dan tradisi akur terhadap keputusan pemimpin tertinggi yang kuat dalam Umno.

Dr Ahmad Nidzammuddin berkata, sebahagian menteri serta timbalan menteri dan setiausaha parlimen dari Umno dan juga parti komponen lain Barisan Nasional (BN) memang berasal dari golongan profesional.

Beliau memberi beberapa contoh seperti Menteri Industri dan Perdagangan Antarabangsa, Datuk Seri Rafidah Aziz (bekas pensyarah ekonomi Universiti Malaya) dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (bekas pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan tokoh korporat.